

BAB 5: Kesimpulan

Pengaliran informasi sehalia dari negara maju ke negara dunia ketiga mewujudkan kesan ketidakseimbangan yang ketara. Ini dapat dilihat apabila laporan yang dikemukakan berhubung kemajuan ekonomi dan perkembangan politik semasa di negara dunia ketiga tidak menggambarkan keadaan yang sebenarnya.

Media barat seolah-olah menutup mata mereka dalam melaporkan isu sebenar, mereka kelihatan lebih cenderung mencari bahan yang memberi gambaran negatif terhadap perkembangan semasa di negara dunia ketiga. Sebagai contoh, kejayaan Malaysia mengatasi krisis ekonomi tidak diberi perhatian wajar, sebaliknya rusuhan golongan Reformasi yang diasaskan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi tajuk utama berita mereka yang dipancarkan ke seluruh dunia.

Kajian mendapati analisis kandungan dan pemerhatian mengenai laporan berhubung isu politik dan ekonomi oleh media asing jelas menunjukkan bahawa media asing seolah-olah memperkecilkan apa saja kejayaan yang diperolehi negara membangun. Sebagai contoh, kejayaan BN yang memenangi majoriti dua pertiga dalam pilihan raya 1999, dilaporkan dalam bentuk sindiran dan kritikan.

Contoh lain ialah ketika kerajaan membubarkan Parlimen pada 10 November 1999, media asing lebih senang mendapatkan ulasan daripada tokoh pembangkang yang sememangnya mengkritik hebat pengumuman itu. Pembangkang dalam ulasannya menyatakan bahawa tindakan kerajaan mengumumkan pembubaran Parlimen pada tahun berkenaan, sebagai usaha menghalang lebih 650,000 pendaftar baru untuk mengundi kerana mereka dikatakan tidak menyokong kerajaan.

Ketidakseimbangan maklumat itu menyebabkan media di dunia ketiga tidak ada pilihan dan terpaksa mendapatkan informasi daripada media barat kerana hampir 80 peratus daripada maklumat dunia diperolehi daripada empat agensi gergasi berita dunia. Pengaliran maklumat sehala ini membabitkan semua perkara iaitu daripada isu politik, ekonomi dan sosial. Media barat juga menyelitkan ideologi dan pegangan agama mereka terhadap sasaran di negara ketiga dan pembaca Islam.

Communication Journal, 1996, memetik sebagai berkata bahawa “Bagi pihak barat, sesiapa yang menguasai dan mengawal aliran berita, mereka dianggap sebagai kuasa teragung di dunia.

Perolehan dalam industri teknologi maklumat dunia mencatatkan pencapaian sehingga US1,185 ribu juta. Amerika Syarikat mencatatkan perolehan tertinggi sebanyak RM15 ribu juta pada 1996.

Empat agensi berita gergasi dunia, Reuters, AFP, United Press International (UPI) dan Russian International Telegraph Agensi (TASS), masing-masing memperuntukkan 96 peratus berita dunia”.

Fenomena ini menunjukkan bahawa pemilikan agensi media oleh dunia barat adalah faktor ketidakseimbangan maklumat di antara barat dan dunia ketiga. Ini menyebabkan mereka menguasai aliran maklumat serantau dan sekali gus menerapkan imperialisme terhadap golongan sasar di rantau ini. Situasi sedemikian disokong oleh tindakan media di dunia ketiga sendiri yang terlalu bergantung kepada maklumat media barat.

Sebagai contoh, di India, masih ada di kalangan pengamal media menggunakan berita, komentar dan rencana daripada akhbar serta majalah barat. Fenomena itu semacam wujudnya satu perjanjian persefahaman untuk berbuat demikian. Keadaan sedemikian memudahkan barat menyebar pengaruhnya, terutama dengan membentuk agenda berita yang menepati kehendak, wawasan dan citarasa barat.

Lebih parah lagi kebanyakan wartawan di negara Selatan terutama yang berkhidmat dengan media elit bukan saja bermegah dengan penguasaan bahasa barat terutama Inggeris, malah meniru konsep nilai barat dan stail penulisan mereka. Kesannya masalah yang berlaku di negara sendiri gagal dianalisis mengikut pespektif budaya dan kepentingan setempat.

Malaysia sebagai sebuah negara Islam juga tidak terkecuali daripada menjadi mangsa imperialism media barat, hampir semua negara Islam berada di dalam lingkungan negara membangun. Dalam abad ledakan maklumat, pengawalan berita dan aliran maklumat adalah penting. Dunia Islam tidak harus menempuh kegagalan.

Penemuan teknologi maklumat membuka horizon baru bagi perkembangan dan kemajuan teknologi komunikasi untuk bersaing dengan dunia maju. Kemunculan rangkaian alternatif media Islam sebelum berakhirknya abad ke-20 ini, menjadi cabaran kepada pengamal media terutama bagi mencari jalan mempertahankan dan meperkuat martabat Islam daripada serangan bertubi-tubi musuh Islam.

Imperialisme budaya yang diterajui empat agensi gergasi media dunia itu terhadap media negara membangun terutama membabitkan negara Islam sememangnya wujud. Sebagai pengamal media di negara Islam, wartawannya kini sedang gigih menangkis dakwaan buruk barat terhadap dunia Islam.

5.1 Pengumpulan berita isu politik dan ekonomi media tempatan dan asing

Agensi media tempatan di negara dunia ketiga terutama di Malaysia, boleh dilihat sebagai agen pembangunan kepada usaha kerajaan mengukuhkan ekonomi serta menjamin kestabilan politik dengan meningkatkan taraf hidup masyarakat berbilang kaum. Pembangunan yang dirancang adalah untuk mereka juga. Bagaimanapun, tidak semestinya, rakyat memberi sokongan jika mereka tidak memahami strategi kerajaan.

Hubungan di antara media, rakyat dan kerajaan di Malaysia adalah saling membantu. Kerjasama ini mewujudkan suasana saling menyokong. Ini kerana kerajaan yang wujud tanpa bantuan dan sokongan media massa adalah kerajaan yang tidak atau lambat menerima sokongan rakyat. Media masa yang tidak disokong oleh kerajaan pula sukar bertahan lama.

Bagaimanapun laporan media tempatan juga turut mengkritik sistem politik. Kritikan yang tidak keterlaluan itu perlu bagi memberikan pandangan ikhlas yang tidak terkeluar daripada landasan yang boleh menimbulkan keraguan masyarakat. Kritikan sedemikian dianggap sebagai pro dan kontra kepada sistem

pemerintahan yang mengamalkan demokrasi berpelembagaan. Perlu wujud keseimbangan kerana kebebasan bersuara perlu disertai dengan tanggungjawab kepada kestabilan negara di samping mematuhi peraturan mengikut peruntukan di bawah undang-undang.

Dalam usaha mengumpul maklumat berita ekonomi oleh media asing, pengkaji mendapati Malaysia dan negara rantaunya juga tidak terlepas daripada andaian buruk media berkenaan. Keadaan ini jelas dilihat melalui laporan media barat yang membuat andaian buruk mengenai Mesyuarat Kawasan Perdagangan Bebas Ascan (AFTA) di Singapura, Oktober 1999.

Semua enam negara anggota asal, iaitu Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia, Thailand dan Filipina mencapai keseluruhan kadar tarif sifar semua produk menjelang 2015. Empat anggota baru pula iaitu vietnam, Myanmar, Laos dan Kemboja yang akan memenuhi sasaran itu menjelang tahun 2018, sangat sesuai mengikut keupayaan enam negara lama pertumbuhan serantau itu..

Keputusan itu ibarat perisai yang menangkis serangan media antarabangsa terhadap ASEAN. Reuters adalah antara agensi berita asing yang pertama membuat andaian buruk terhadap pertemuan itu.

Reuters melaporkan bahawa menteri ekonomi ASEAN akan bertemu di Singapura bagi meneruskan cita-cita besar untuk mewujudkan kawasan perdagangan bebas di rantau ini ketika mereka sedang berjuang untuk menyelesaikan masalah ekonomi mereka dan Indonesia digugat oleh masalah dalaman.

Kenyataan media asing yang menyatakan bahawa kerajaan Indonesia hampir bertukar menyebabkan sukar untuk mempercayai keberkesanan sebarang keputusan yang dibuat oleh mesyuarat itu. Laporan berdasarkan kepada kenyataan Perunding Risiko Ekonomi dan Politik dan kumpulan pemikir diketuai Bruce Gale berpangkalan di Hong Kong.

Laporan AFP turut mengeruhkan suasana dengan menyatakan bahawa Malaysia membuat kejutan yang akan menjelaskan cita-cita besar ASEAN mewujudkan rantau ini sebagai kawasan perdagangan bebas dan pelabur kerana berhasrat meminta penangguhan pengurangan tarif bagi industri automatif. Tindakan itu kononnya akan menyebabkan negara anggota Asean lain mencontohi jejak langkah Malaysia sekaligus menjelaskan pelaksanaan AFTA.

Namun cubaan memburukkan ASEAN tetap tidak berakhir. Seorang pengantara berita rangkaian televisyen, Channel News Asia, sempat melahirkan keraguannya terhadap misi itu atas alasan bahawa ASEAN sentiasa bersaing untuk mendapat pelaburan asing. Bagaimanapun, kerjasama ASEAN dari segi usaha sama perdagangan dan perindustrian bukan perkara baru.

Bagaimanapun Reuters ada juga menjalankan kaji selidik berhubung perkembangan ekonomi negara ini dan rantaunya. Laporan yang dibuat berdasarkan kaji selidik awal Jun tahun lalu terhadap 10 firma berkaitan ekonomi Malaysia melaporkan bahawa kadar pertumbuhan menggalakkan. Ramai menjangkakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini akan berkembang 1.3 peratus berbanding tahun sebelum ini.

Sepuluh firma penyelidik menjangkakan KDNK pada tahun 2000 meningkat kepada 3.3 peratus berbanding ramalan sebelumnya, 2.9 peratus. Pada 1998, ekonomi negara merudum akibat krisis mata wang serantau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjurkan ekonomi akan menguncup 1.5 peratus pada suku pertama. Bagaimanapun, beliau menyatakan keyakinan ekonomi akan pulih disebabkan pengurangan perbelanjaan kerajaan.

Inisiatif kaji selidik Reuters turut membantu negara dalam usaha mencapai pemulihian ekonomi dan laporan ini diambil oleh media tempatan untuk dijadikan bahan utama dalam rencana analisis ekonomi.

5.2 Tindakan kerajaan menangkis ketidakseimbangan maklumat media asing

Bagi menangani perkara ini, kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta bagi menampung perbelanjaan mengurus Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang antara lain digunakan untuk menangkis laporan negatif media asing. Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 1999 menganggarkan jumlah sebanyak RM10 juta akan digunakan.

- Memantau laporan berita isu semasa, kenyataan krisis dan perkembangan yang berlaku di dalam dan luar negara serta menyangkal laporan negatif.
- Menyediakan bahan kepada media asing dan tempatan untuk memberikan maklumat terkini mengenai pemulihian ekonomi, termasuk laporan kemajuan Pelan Pembangunan Ekonomi Negara (PPEN) kepada setiap kementerian dan agensi mengenai media cetak dan media elektronik.

- Menyedia dan mengemas kini laman web MTEN dari semasa ke semasa.
- Mendapatkan maklum balas dan pandangan serta menjawab kemosykilan pelanggan mengenai ekonomi atau langkah pemulihan ekonomi.
- Menyediakan bahan dalam bentuk pita video mengenai langkah pemulihan dan pembangunan Malaysia kepada stesen televisyen antarabangsa CNN, CNBC dan sistem serantau.

Peruntukan juga digunakan untuk membayar sewa peralatan maklumat *on-line* rangkaian Bloomberg, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Reuters.

5.3 Profesionalisme media tempatan berbanding media asing.

Keupayaan operasi perkhidmatan empat agensi berita terkemuka di negara maju disokong dengan dana yang mencukupi serta kekuatan profesionalisme yang bertapak lebih lama. Faktor ini adalah perkara utama media di negara dunia ketiga gagal menyaingi media asing.

Kekurangan dana bagi membiayai kos operasi dan perkhidmatan menjadi masalah utama. Setiap agensi berita di dunia ketiga yang ditubuhkan itu mempunyai masalah yang sama seperti kekurangan peralatan teknikal, kekurangan petugas terlatih, gaji yang rendah dan tidak menguasai profesionalisme.

Pasaran yang terhad serta kegagalan pelanggan membayar perkhidmatan.Organisasi media di negara maju memiliki peralatan canggih, wartawan yang cekap, berilmu, pemberitaan serta laporan yang tidak terhad dan menampilkan analisis yang disokong melalui penyelidikan menyeluruh.

Kerajaan patut mengkaji mengurangkan atau melupuskan tarif telekomunikasi sebagai satu insentif dan galakan kepada pertumbuhan agensi berita media yang lebih mampan. UNESCO perlu memberi tumpuan utama berhubung ketidak seimbangan maklumat ini kerana sebagai pertubuhan sosial dan kebudayaan antarabangsa, pihak ini mestilah diberikan dana yang mencukupi untuk membolehkannya membiayai projek pengkomputeran di antara berita khususnya di dunia ketiga. Agensi berita di dunia ketiga perlu menyuntik modal bagi menjalankan usaha menyeluruh terutama meningkatkan kemahiran wartawan melalui latihan, peningkatan ilmu, keterampilan dan penyelidikan.

5.4 Kebebasan Akhbar dan Tanggungjawab Sosial

Membicangkan kebebasan akhbar sama ada secara falsafah atau amalan harian sama dengan memperkatakan soal kemerdekaan diri manusia secara individu atau masyarakat. Umumnya, masyarakat yang menikmati kebebasan hidup dan demokrasi mempunyai akhbar yang lebih bebas.

Kalau kita mengambil teori kebebasan akhbar dari Barat sebagai ukuran, maka fungsi yang dimainkan media cetak dan elektronik dalam membuat laporan pemecatan Anwar tidaklah bertentangan dengan teori kebebasan akhbar itu sendiri, sebabnya, sesiapa menguasai akhbar dia lah yang berhak mencorakkan *bias* akhbarnya.

Ketika pilihan raya lalu, jelas menunjukkan ada agensi berita yang secara terbuka mengkritik kerajaan sama ada daripada media tempatan atau asing, namun mereka masih terus menjalankan operasi di negara ini dengan bebas tanpa sebarang sekatan.

Kewujudan golongan seperti ini perlu diambil kira berikutan kesan ketidakstabilan ekonomi dan politik sejak kebelakangan ini menjadikan negara ini sebagai lokasi utama media asing dalam pilihan raya tahun lalu.

Tumpuan itu menjadikan wakil media asing menjadikan kempen pilihan raya lalu sebagai agenda utama laporan mereka mengenai isu politik di Asia. Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), mengeluarkan kira-kira 1,200 kad pengenalan diri kepada wakil media tempatan dan asing bagi membolehkan mereka membuat liputan pilihan raya terutama di tempat penjumlahan rasmi undi.

Daripada jumlah itu, seramai 88 wartawan dan 35 juru gambar asing diberikan kad pengenalan diri termasuk dari media cetak dan elektronik dari pelbagai negara dan jumlah itu dijangka meningkat.

Antara yang memohon mendapatkan kad pengenalan diri iaitu ialah, Channel News Network (CNN), Reuters, Associated Press, AFP, BBC serta media dari Jepun, Singapura, Iran Thailand dan Hong Kong. Kebanyakan wartawan dan juru gambar asing membuat liputan di luar ibu negara terutama di Kelantan dan Terengganu lokasi terkuat parti pembangkang.

Fenomena menunjukkan walaupun negara mampu mengawal akhbar mengikut peruntukan sedia ada tanpa menggugat kestabilan politik dan keharmonian masyarakat, namun dalam masa yang sama dia memberi kebebasan sepenuhnya kepada media asing membuat liputan mengikut selera dan citarasa mereka.

Pemerintah yakin melalui cara ini, penduduk boleh mendapatkan maklumat yang seimbang. Media tempatan menjalankan tugas tanpa desakan atau sekatan mana-mana pihak dengan memastikan segala maklumat yang disebarluaskan kepada umum itu lebih bertanggungjawab bagi menjamin kestabilan politik dan ekonomi negara.

Namun begitu media yang hanya melaporkan tidak rerlepas daripada statusnya yang cenderung berpihak. Apatah lagi media begitu mudah dimanfaatkan oleh pihak yang menguasainya. Sudah menjadi kebiasaan di dunia ketiga, terutama media dikuasai pihak parti yang memerintah demi menjaga keutuhan nasional dan perpaduan kebangsaan. Sensitiviti pemerintah dan masyarakat diambil kira dalam sebarang penyiaran berita atau laporan. Berita dan laporan yang menyentuh sesnsitiviti terutama yang negatif sifatnya perlu disisih kiranya negara masih mahu terus hidup.

5.5 Penutup

Laporan penyelidikan yang berdasarkan kepada analisis kandungan dan pemerhatian ini mendapati, kemasukan infromasi berterusan dari Barat meninggalkan kesan imperialisme budaya terhadap negara penerima.

Pengaliran berita dan maklumat oleh akhbar yang menjadi kekuatan keempat (the fourth estate) dalam sesebuah negara selepas kekuatan eksekutif, legislatif dan judikatif perlu melaporkan segala kejadian tanpa sebarang bias untuk menjamin kemakmuran negara.

Negara maju mendakwa mengamalkan kebebasan akhbar, juga dikatakan gagal membuktikan bahawa media mereka benar-benar bebas tanpa dipengaruhi pemiliknya. Di negara membangunkan walaupun kebiasannya media dikuasai pemerintah. Tindakan itu demi menjaga keutuhan nasional dan perpaduan kebangsaan. Jika kebebasan akhbar yang dituntut semata-mata untuk membongkar kepincangan sistem pemerintahan negara, ianya hanya memburukkan lagi keadaan hingga membawa kepada kesan sampingan terutama pergolakan politik, ekonomi dan sosial masyarakat setempat.